



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
JUMAAT 4 JUN 2021**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1. 2. 3. 4. 5. 6. 7. 8.	JPV NAFI ADA KES JANGKITAN LSD KE ATAS MANUSIA, UM -ONLINE PENYAKIT LSD TIDAK ANCAM MANUSIA, NASIONAL, SH -1 WABAK LSD MULA 'SERANG' SELANGOR, NASIONAL, SH -12 RAMAI PENTERNAK TIDAK SEDAR PENYAKIT LSD, NASIONAL, SH -12 LSD TIDAK ANCAM MANUSIA, HANYA JANGKITI LEMBU DAN KERBAU, NASIONAL, SH -12 TIGA KES DISYAKI LSD TUNGGU KEPUTUSAN MAKMAL, NASIONAL, SH -12 LSD TIDAK ANCAM KEHIDUPAN MANUSIA, DALAM NEGERI, UM -24 SATU KES DISYAKI LSD DI TERENGGANU, DALAM NEGERI, UM -24	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
9. 10. 11. 12. 13. 14. 15. 16. 17. 18.	SIN CHEW -ONLINE FAMA BUKA 42 LOKASI PST SEMASA SEKATAN PERGERAKAN PENUH, BERNAMA -ONLINE USAHAWAN FAMA DIJANGKA RAIH JUALAN RM6.5 JUTA MELALUI MUKMIN MART RIDER, DAGANG NEWS -ONLINE FAMA, MUKMIN PAY WUJUDKAN PROGRAM MUKMIN MART RIDER, SH -ONLINE 'TOTAL LOCKDOWN': FAMA BUKA BILIK GERAKAN BANTU PETANI PASARKAN HASIL, SH -ONLINE PETANI, PEMBORONG BOLEH MOHON SURAT RENTAS DAERAH, NEGERI, SH -ONLINE FAMA BUKA PST DI 42 LOKASI, LOKAL, HM -18 FAMA BANTU PASAR TEMBIKAI DARI TERENGGANU, NEGERI, SH -26 FAMA BUKA BILIK GERAKAN, NASIONAL, SH -13 FAMA PERLUAS JUALAN APLIKASI MUKMIN MART, NASIONAL, BH -17	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
19. 20. 21. 22. 23. 24. 25.	'BATAL PROJEK TAMBAK LAUT PULAU PINANG', NASIONAL, BH -18 HARGA BUAH, SAYUR TEMPATAN NAIK, NEGARA, KOSMO -1 HARGA BUAH, SAYUR NAIK, NEGARA, KOSMO -3 JARING GESA KERAJAAN BENARKAN NELAYAN TIDAK BERLESEN KE LAUT, NEGERI, SH -28 STILL NO SOP UPDATE FOR AGRICULTURE SECTOR, THE EDGE MARKET -ONLINE THERE WILL BE AN OVERSUPPLY OF DURIANS DUE TO TOTAL LOCKDOWN -TRADERS, THE EDGE MARKET -ONLINE MITI BUKAN PENENTU TUNGGAL PERKHIDMATAN PERLU, HM -ONLINE	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/6/2021	UTUSAN MALAYSIA	ONLINE	

## JPV nafi ada kes jangkitan LSD ke atas manusia



PUTRAJAYA: Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) menafikan ada kes *Lumpy Skin Disease* (LSV) atau penyakit kulit kentel yang sudah menjangkiti manusia daripada haiwan ruminan.

Menerusi kenyataan akhbarnya di sini hari ini, agensi Kementerian Pertanian dan Industri Makanan itu memaklumkan bahawa LSD tidak bersifat zoonotik terhadap manusia.

"Ia tidak pun boleh menjangkiti manusia. Justeru JPV menafikan gambar melalui media sosial yang tular kononnya ada individu dengan gejala di bawah mata disebabkan oleh LSD," katanya.

Pada masa sama, ia mengesahkan bahawa berita yang tular disebarkan menyeru masyarakat agar mengelak membeli daging segar dijangkiti penyakit lembu di Perak adalah tidak benar.

Ia dipercayai susulan laporan media tempatan mengenai 42 ekor lembu import dari Thailand dijangkiti LSD ketika dikurung di stesen kuarantin Bukit Kayu Hitam, Kedah pada 26 April lalu.

Ekoran perkembangan ini, JPV Kelantan bekerjasama dengan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) memantau kemasukan lembu asing di sempadan negeri itu.

Mengulas lanjut, kenyataan ibu pejabat JPV itu memaklumkan pihaknya sudah mengaktifkan program surveilans bagi mengesan, mengawal dan mencegah penularan LSD seluruh negara.

"Setakat ini, sebanyak 81,252 ekor lembu meliputi 9,108 premis ternakan telah diperiksa dan cuma 89 ekor atau 0.1 peratus daripada keseluruhan itu ada gejala jangkitan LSD," jelasnya.

Penyakit LSD dilaporkan sudah pun menular di banyak negara Asia ketika ini antaranya India, Bangladesh, Nepal, Bhutan, China, Taiwan, Vietnam, Myanmar dan terkini pula, Thailand.

Ia disebabkan virus *Poxviridae* yang boleh disebar ternakan ruminan melalui gigitan serangga vektor seperti nyamuk dan sengkerit selain rembesan air liur dan hidung haiwan dijangkiti.

Sebagai usaha pencegahan, JPV memperketatkan syarat import lembu hidup dari luar negara dengan kerjasama Maqis di pintu sempadan dan akan bertindak ke atas ternakan bergejala.

JPV memohon kerjasama pemain industri termasuk pengimport, peraih dan penternak agar segera menghubungi pejabat veterinar negeri atau daerah jika mengesyaki haiwan ada LSD.

"Persampelan akan dijalankan bagi tujuan pengesanan dan ternakan yang terjangkit perlu diasing atau dilupus menerusi penyembelihan di premis dilesenkan," kata kenyataan itu.

Setakat ini, tiada rawatan khusus untuk penyakit LSD kecuali sekadar diberikan rawatan bagi mengelak jangkitan sekunder melalui pemberian ubat antibiotik, antijangkitan dan vitamin.

Meskipun jangkitan itu tidak mengakibatkan kematian besar, tetapi ia memberi kesan ekonomi kepada industri seperti penurunan pengeluaran susu, berat badan, keguguran dan kemandulan.-

UTUSAN ONLINE

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/6/2021	SINAR HARIAN	NASIONAL	1

# Penyakit LSD tidak ancam manusia

Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar Perak, Dr Ahmad Shafri Hassan mengesahkan penyakit kulit kental (LSD) yang menjangkiti ternakan lembu dan kerbau di negara ini tidak mengancam orang ramai kerana ia tidak boleh tersebar daripada haiwan kepada manusia menerusi vektor seperti kutu, nyamuk dan lalat.



# Wabak LSD mula 'serang' Selangor

Penyakit kulit itu mula dikesan serang ternakan lembu di Sabak Bernam, Hulu Selangor

Oleh ENGGU SHARIFUL AZNI

SHAH ALAM

**P**enyakit kulit kental (LSD) mula dikesan menyerang ternakan lembu di daerah Sabak Bernam dan Hulu Selangor sejak beberapa hari lalu.

Exco Infrastruktur dan Pertanian Selangor, Ir Izham Hashim berkata, wabak penyakit itu dibimbangi boleh merebak kepada ternakan lembu lain.

"Kita terima laporan ada dua kes LSD di Selangor. Keadaan ini membimbangkan kerana memberi kesan besar kepada bekalan makanan serta industri ternakan," katanya pada Majlis Pelancaran Agro Prihatin di



IZHAM



Penyakit LSD mula dikesan menyerang ternakan lembu di daerah Sabak Bernam dan Hulu Selangor sejak beberapa hari lalu.

Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah di sini pada Rabu.

Menurutnya, penyakit itu turut menimbulkan kebingungan kepada penternak menjelang Aidiladha pada Julai.

"Penternak lembu disaran memantau lembu ternakan kerana kita, khuatir ternakan mereka mungkin dijangkiti.

"Penternak juga perlu segera menghubungi pihak Jabatan Perkhid-

matan Veterinar (JPV) untuk tindakan lanjut seperti menyembur racun bagi membunuh agas-agas tersebut yang menjadi punca penyebaran virus," katanya.

Izham memaklumkan, wabak LSD hanya berlaku pada lembu dan tiada kes jangkitan dilaporkan terjadi kepada haiwan ternakan lain seperti kambing.

JPV pada Selasa melaporkan, pihaknya mengesan penularan LSD yang menjangkiti lembu dan kerbau di Perak.

Ramai penternak tidak sedar penyakit LSD

SHAH ALAM - Ramai penternak lembu di dalam negara masih tidak menyedari mengenai kehadiran penyakit kulit kental (LSD) yang dilaporkan mula dikesan di Malaysia pada Selasa.

Pengerusi Koperasi Grup Transformasi Ruminan (GTR) Berhad, Nordin Mat berkata, penularan penyakit tersebut yang masih tidak begitu meluas di dalam negara menjadi antara faktor menyebabkan berlakunya keadaan tersebut.

"Mereka ini berkemungkinan tidak sedar kerana penyakit LSD ini jarang berlaku dekat Malaysia dan berkemungkinan ia tidak serius jika sudah dapat dikawal di sempadan," katanya.

Nordin berkata, kemungkinan berlakunya penularan penyakit LSD daripada lembu yang melalui saluran sah adalah kecil kerana JPV pada 20 Mei lalu telah mengenakan syarat tambahan pengimportan lembu dari Thailand.

Katanya, dalam syarat tambahan tersebut, JPV menetapkan bahawa lembu yang diimport dari Thailand perlu melalui proses kuarantin selama 28 hari di negara tersebut sebelum sekali lagi dikuarantin untuk tempoh yang sama di Malaysia.

Nordin bagaimanapun berkata, masalah utama dalam menangani penyakit tersebut adalah kegiatan penyeludupan lembu dari Thailand yang didakwa berlaku tanpa kawalan pihak berkuasa di kawasan sempadan selain kebolehan penyakit itu untuk merebak melalui nyamuk dan lalat.

Susulan itu, Nordin berkata, pihaknya sudah memberitahu penternak supaya tidak membeli ternakan yang diragui tempat asalnya.



NORDIN MAT

## LSD tidak ancam manusia, hanya jangkiti lembu dan kerbau

IPOH - Penyakit kulit kental (LSD) yang dilaporkan menjangkiti haiwan ruminan di negara ini tidak memberi ancaman kepada manusia.

Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Perak, Dr Ahmad Shafri Hassan berkata, kajian penyelidik mendapati ada kes terencil melibatkan penternak yang tidak menjaga kebersihan diri selepas mengendalikan ternakan berpenyakit, namun kes seumpama itu

sangat jarang berlaku.

"Penyakit kulit kental adalah penyakit yang hanya menjangkiti ternakan lembu dan kerbau.

"Lembu atau kerbau yang berpenyakit boleh menjangkiti ternakan lain melalui vektor yang menghisap darah haiwan seperti kutu, nyamuk dan lalat," katanya.

Ahmad Shafri berkata, penyakit itu juga tidak boleh tersebar kepada manu-

sia melalui vektor tertibat.

Katanya, situasi wabak kini masih terkawal dan pihaknya sedang mengambili tindakan susulan bagi membendung penularan penyakit itu.

"Ternakan berpenyakit perlu diasingkan dan diberi rawatan sokongan. Ternakan berpenyakit juga dilarang dipindah keluar dari lokasi wabak dan tidak disembelih tanpa merujuk terlebih dahulu dengan pihak jabatan," katanya.

## Tiga kes disyaki LSD tunggu keputusan makmal

ALOR SETAR - Terdapat tiga kes di Kedah disyaki berkaitan penyakit kulit kental (LSD) yang menjangkiti haiwan ternakan sedang dianalisis dan belum memperoleh keputusan makmal.

Exco Pertanian, Industri Makanan, Perladangan dan Komoditi Kedah, Azman Nasrudin berkata, ia membabitkan tiga daerah iaitu di Kota Setar, Sik dan Kulim.

Menurutnya, sampel darah dan calitan hidung serta air liur lembu berkenaan diambil dan dihantar ke makmal untuk tujuan pengesahan.

"Pada 20 Mei, terdapat dua kes

disyaki di Kota Setar dan Sik. Sampel darah dan calitan hidung serta air liur haiwan berkenaan dihantar ke Institut Penyelidikan Veterinar Malaysia, Ipoh untuk pengesahan manakala pada 1 Jun, satu lagi kes dikesan di Kulim," katanya pada Khamis.

Azman berkata, Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Majlis) turut menjalankan pemeriksaan di semua Stesen Kuarantin Swasta yang menjalankan kuarantin lembu di



AZMAN

Bukit Kayu Hitam pada 18 Mei dan mendapati terdapat lembu yang mempunyai tanda klinikal LSD dikesan di tiga daripada empat stesen kuarantin berkenaan.

"Pasukan dari Institut Penyelidikan Veterinar (VRI) Malaysia bersama Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kedah serta Maqis telah mengesahkan 42 ekor lembu dijangkiti daripada 1,880 keseluruhan lembu yang dikuarantin," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/6/2021	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	24

# LSD tak ancam kehidupan manusia

Oleh ASLIZA MUSA  
utusannews@mediamula.com.my

**IPON:** Penyakit kulit kental atau *lumpy skin disease* (LSD) yang dilaporkan mula menjangkiti haiwan ruminan di negara ini tidak memberi kesan atau ancaman kepada manusia.

Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Perak, Dr. Ahmad Shafri Hassan berkata, sekiranya berlaku, ia adalah kes terpencil ekoran kegagalan penternak menjaga kebersihan diri selepas mengendalikan ternakan yang berpenyakit.

Bagaimanapun katanya, kajian oleh penyelidik mendapati kes seumpama itu jarang berlaku.

"LSD atau dikenali penyakit kulit kental adalah penyakit yang hanya menjangkiti ternakan lembu dan kerbau. Penyakit ini tidak boleh tersebar kepada manusia melalui vektor seperti kutu, nyamuk dan lalat," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini semalam.

Menurut beliau, lembu atau kerbau yang berpenyakit boleh menjangkiti lembu atau kerbau lain melalui vektor yang meng-

hisap darah haiwan seperti kutu, nyamuk dan lalat.

Katanya, penyakit tersebut boleh menyebabkan kerugian kepada penternak kerana ternakan yang berpenyakit akan menjadi kurus dan pengeluaran susu merosot selain kematian.

"Penyakit ini telah merebak ke beberapa negara di Asia Tenggara termasuk Vietnam, Myanmar dan Thailand. Kini ia dikesan berlaku di negara ini melalui ternakan yang dibawa masuk dari Thailand.

"Di Perak, wabak penyakit ini masih terkawal dan pihak JPV Perak sedang mengambil tindakan suşulan bagi membendung penularan penyakit ini kepada ternakan lain," katanya.

Tambah beliau, penternak yang mendapati terdapat tanda-tanda penyakit ini pada ternakan mereka diminta segera melaporkannya kepada JPV.

"Ternakan berpenyakit perlu diasingkan dan diberi rawatan sokongan atas nasihat pihak jabatan. Ternakan berpenyakit juga dilarang dipindah keluar dari lokasi wabak dan tidak disembelih tanpa merujuk terlebih dahulu kepada JPV," katanya.



KEADAN lembu yang diserang penyakit kulit kental atau *lumpy skin disease* (LSD). - UTUSAN/SUMBER INTERNET

## Satu kes disyaki LSD di Terengganu

**KUALA TERENGGANU:** Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Terengganu masih menunggu keputusan makmal berhubung satu kes disyaki penyakit kulit kental (LSD) pada haiwan ruminan di negeri ini.

Ketua Bahagian Kesihatannya, Dr. Wan A'aidah Wan Hashim berkata, beberapa sampel diambil untuk pemeriksaan lanjut pada minggu lalu.

"Kes itu belum dipastikan dan pemeriksaan menemukan bintik-bintik bersaiz kecil kira-kira 2 sentimeter pada ternakan.

"Memandangkan kes ini masih baharu di Malaysia, jadi ujian makmal mengambil sedikit masa," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini semalam.

Terdahulu, Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Kedah dilaporkan mengesan 42 ekor lembu import dari Thailand dijangkiti LSD ketika dikuarantin di stesen kuarantin berdaftar di Bukit Kayu Hitam

**“ Kes itu belum dipastikan dan pemeriksaan menemukan bintik-bintik bersaiz kecil kira-kira 2 sentimeter pada ternakan.”**

WAN A'IDAHA WAN HASHIM

pada 26 April lalu.

LSD adalah sejenis penyakit berjangkit yang menjangkiti lembu, kerbau dan haiwan ruminan liar tertentu disebabkan virus Poxviridae dan disebarkan melalui gigitan serangga seperti nyamuk dan lalat.

Antara negara yang terkenal ialah Bangladesh, India, China dan yang terbaharu, Thailand.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/6/2021	SIN CHEW	ONLINE	

即起至14日设42食材市集·FAMA免费运送鼓励网购

全国综合

+ 关注

广告



FAMA于全面封锁期间，在全国各地开设42家新鲜农贸管制市集（PST），为人民每日提供新鲜食材。

（八打灵再也3日讯）联邦农业销售局（FAMA）宣布，该局在全面封锁期间第一阶段（6月1日至14日），在全国各地开设42家新鲜农贸管制市集（PST），每日为人民提供新鲜食材。

FAMA副总监（营运）莫哈末慕斯达法表示，虽然全国目前只有42家实体的市集，但该局已将相关市集的业务扩展到线上，让民众无需外出也可以线上方式采购食材。

“42家市集目前也推出特别优惠，如提供免费的运送服务，鼓励更多民众透过线上订购食材，尽量减少外出，以帮助政府阻断冠病病毒的传播链。”

他今日召开线上新闻发布会指出，42家的新鲜农贸管制市集，是包括了24家固定农业市集（PTK）、2家我的农场市集（MFO）、14家FAMA营运中心、以及2家Agrobazaar。

他说，新鲜农贸管制市集每日的营运时间为早上6时至下午4时，当中14家FAMA营运中心的营运时间则是早上7时至中午12时。

### 提供运送员工作机会

他表示，FAMA如今也与Mukmin Pay有限公司合作，为国内青年提供工作机会，成为相关市集的运送人员（rider），并欢迎正在寻找工作的年轻人、B40群体、及失业人士透过“Mukmin Rider”手机应用程序申请成为运送人员。

他透露，目前已经有高达300名商家以及500名运送人员（rider）在“Mukmin Rider”应用程序下进行了注册。

他说，该应用程式的目标在今年内让5000名商家在旗下进行注册，以便达到650万令吉的销售额。

### **鼓励无现金付款**

他也促请民众使用无现金方式完成付款，例如电子钱包或线上转账。

另一方面，莫哈末慕斯达法今日也前往了位于布城的新鲜农贸管制市集进行巡视。该家位于布城的新鲜农贸管制市集也提供了得来速（Drive Thru）服务，以减少商家与民众之间的接触。

另外，为了确保相关市集在全面封锁期间的运作顺畅，FAMA也设立了一个特别行动室（危机管理中心），为农民及商家提供协助，运作时间为每日早上8时至傍晚7时。

欲知更多详情，可浏览FAMA官网（<http://www.fama.gov.my/faq>）。

线上新闻发布会的出席也者包括Mukmin Pay有限公司首席执行官尤斯尼。



莫哈末慕斯达法巡视布城的新鲜农贸管制市集，以了解市集的准备情况。

广告

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/6/2021	BERNAMA	ONLINE	

## FAMA buka 42 lokasi PST semasa Sekatan Pergerakan Penuh



KUALA LUMPUR, 3 Jun -- Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) membuka 42 lokasi Pasar Segar Terkawal (PST) di seluruh negara dalam tempoh sekatan pergerakan penuh fasa pertama.

Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) FAMA Mohamad Mustahapa Awang berkata ia terdiri daripada dua MyFarm Outlet (MFO), pasar tani kekal (24), pusat operasi FAMA (14) dan Agrobazaar (dua) berbanding 63 lokasi PST yang dibuka semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 1.0.

"Walaupun FAMA buka 42 outlet berbanding 63 sebelum ini, ia bukan hanya secara fizikal sahaja kerana kami turut menumpukan kepada aktiviti jualan secara dalam talian," katanya pada sidang media secara maya hari ini.



Terdahulu, beliau mengadakan lawatan ke MFO Putrajaya bagi meninjau operasi bekalan keperluan harian secara dalam talian, tempahan awal, penghantaran dan pandu lalu bagi penduduk di kawasan itu.

Menurut Mohamad Mustahapa, FAMA dengan kerjasama Mukmin Pay Sdn Bhd telah memperkenalkan aplikasi Mukmin Mart kepada usahawan FAMA di 16 lokasi pasar tani di Kuala Lumpur, Putrajaya dan MFO Putrajaya dan sehingga kini sudah mendaftarkan 300 orang.

Menerusi aplikasi itu, beliau berkata nilai jualan yang direkodkan dari Februari hingga Mei tahun ini adalah RM500,000 dan menjangkakan jualan meningkat kepada RM6.5 juta pada hujung 2021 serta pendaftaran 5,000 usahawan.

Selain itu, FAMA dan Mukmin Pay Sdn Bhd turut mewujudkan peluang pekerjaan baharu dalam sektor ekonomi gig menerusi Program Mukmin Mart Rider yang sehingga kini mempunyai 500 penghantar barangan, katanya.

-- BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/6/2021	DAGANG NEWS	ONLINE	

## Usahawan FAMA dijangka raih jualan RM6.5 juta melalui Mukmin Mart Rider



**KUALA LUMPUR 3 Jun** - Usahawan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dijangka meraih jualan sebanyak RM6.5 juta melalui aplikasi Mukmin Mart Rider menjelang penghujung tahun ini.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) II, Datuk Che Abdullah Mat Nawi berkata, jumlah jualan tersebut akan diperolehi dengan pendaftaran seramai 5,000 usahawan FAMA melalui aplikasi berkenaan.

"Sehingga kini, aplikasi ini telah berjaya mendaftarkan 300 usahawan FAMA dan 500 orang rider. Manakala seramai 3,000 orang pengguna telah menggunakan aplikasi tersebut.

"Nilai jualan menerusi aplikasi tersebut dari Februari 2021 hingga Mei 2021 telah mencatatkan RM500,000.

"Melangkah ke hadapan, Mukmin Pay Sdn. Bhd menyasarkan pada tahun ini untuk meluaskan pendaftaran usahawan di outlet-outlet pemasaran FAMA di seluruh negara. Dijangkakan seramai 5,000 orang usahawan akan mendaftar dengan nilai jualan berjumlah RM 6.5 juta pada penghujung tahun 2021," jelas beliau.

Beliau berkata demikian dalam satu kenyataan berkaitan lawatan kerja ke Pasar Segar Terkawal (PST) di MyFarm Outlet (MFO) Putrajaya hari ini.



Aplikasi Mukmin Mart Rider merupakan peluang pekerjaan baharu yang diwujudkan MAFI dengan kerjasama Mukmin Pay Sdn. Bhd. kepada golongan belia.

Bella yang sedang mencari peluang pekerjaan boleh mendaftar sebagai Penghantar Makanan (Rider) melalui aplikasi Mukmin Rider sama ada di Play Store atau di App Store.

Melalui lawatan kerja berkenaan, beliau memberitahu, sebanyak 42 lokasi Pasar Segar Terkawal (PST) dibuka di seluruh negara dalam tempoh penutupan penuh sektor ekonomi dan sosial ataupun "total lockdown" Fasa Pertama bermula 1 hingga 14 Jun 2021.

Ia terdiri daripada 24 buah Pasar Tani Kekal, dua buah MyFarm Outlet (MFO), 14 buah Pusat Operasi FAMA dan 2 buah Agrobazaar berbanding 63 lokasi yang telah dibuka semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 1.0 yang lalu.

Tambahnya, lawatan kerja berkenaan diadakan bagi melihat sendiri ketersediaan MFO membekalkan keperluan harian secara *online, pre order, delivery* serta *drive thru* khususnya bagi penduduk Putrajaya. - [DagangNews.com](http://DagangNews.com)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/6/2021	SINAR HARIAN	ONLINE	

## FAMA, Mukmin Pay wujudkan Program Mukmin Mart Rider



PUTRAJAYA - Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dengan kerjasama Mukmin Pay Sdn Bhd mewujudkan peluang pekerjaan baharu ekonomi gig menerusi Program Mukmin Mart Rider.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) II, Datuk Che Abdullah Mat Nawi berkata, aplikasi Mukmin Mart yang dibangun dan diuruskan sepenuhnya oleh syarikat Mukmin Pay Sdn Bhd itu telah diperkenalkan kepada usahawan FAMA di 16 lokasi pasar tani Wilayah

Persekutuan Kuala Lumpur/Putrajaya dan MyFarm Outlet (MFO) Putrajaya.

Beliau berkata, beliau yang sedang mencari peluang pekerjaan boleh mendaftar sebagai penghantar makanan (rider) melalui aplikasi Mukmin Rider sama ada di Play Store atau di App Store.



Che Abdullah

"Sehingga kini, aplikasi ini telah berjaya mendaftarkan 300 usahawan FAMA dan 500 rider, manakala 3,000 pengguna telah menggunakan aplikasi tersebut.

"Nilai jualan menerusi aplikasi tersebut dari Februari 2021 hingga Mei 2021 telah mencatatkan RM500,000," katanya selepas mengadakan lawatan kerja ke Pasar Segar Terkawal (PST) di MyFarm Outlet (MFO) Putrajaya pada Khamis.

Mengulas lanjut, Che Abdullah berkata, Mukmin Pay Sdn Bhd menyasarkan untuk meluaskan pendaftaran usahawan di outlet-outlet pemasaran FAMA di seluruh negara pada tahun ini.

"Kita jangkakan 5,000 lagi usahawan akan mendaftar dengan nilai jualan berjumlah RM 6.5 juta pada penghujung tahun 2021," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/6/2021	SINAR HARIAN	ONLINE	

## 'Total lockdown': FAMA buka bilik gerakan bantu petani pasarkan hasil



PUTRAJAYA - Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) mewujudkan bilik gerakan (Crisis Management Centre) dalam tempoh penutupan penuh sektor ekonomi dan sosial ataupun 'total lockdown' Fasa 1 bermula Selasa lalu hingga 14 Jun ini.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) II, Datuk Che Abdullah Mat Nawi berkata, bilik gerakan yang beroperasi pada jam 8 pagi hingga 7 petang itu diwujudkan bagi membantu para petani yang menghadapi masalah memasarkan hasil pertanian mereka.

"Bagi memastikan kelancaran aktiviti pemasaran hasil pertanian semasa tempoh pelaksanaan PKP 'total lockdown' Fasa 1 ini, FAMA telah mewujudkan Bilik Gerakan (Crisis Management Centre).

"Ia bagi membantu para petani yang menghadapi masalah memasarkan hasil pertanian mereka dengan melayari portal FAMA Feedback System (<http://ffs.fama.gov.my/aduan/>) atau menghubungi talian hotline seperti di lampiran," katanya.

Beliau berkata demikian selepas mengadakan lawatan kerja ke Pasar Segar Terkawal (PST) di MyFarm Outlet (MFO) Putrajaya pada Khamis.

Sementara itu, mengulas mengenai lawatan kerja ke MFO, Putrajaya, Che Abdullah berkata, lawatan tersebut dibuat bagi melihat sendiri ketersediaan pasar itu membekalkan keperluan harian secara online, pre order, delivery serta drive thru khususnya bagi penduduk Putrajaya.

Katanya, MFO Putrajaya telah mula beroperasi pada 1 Mac 2016 dan dibuka setiap hari kecuali Isnin dengan waktu operasi bermula jam 6 pagi hingga 4 petang di dalam tempoh pelaksanaan 'total lockdown' ini.

"Nilai jualan yang dicatatkan dari Januari 2021 hingga April 2021 merekodkan RM 3.8 juta.

"MFO Putrajaya beroperasi mengikut prosedur operasi standard (SOP) yang telah ditetapkan oleh kerajaan dengan pintu masuk dan keluar dikawalselia oleh pihak berkuasa, laluan sehala di dalam premis serta menghadkan bilangan kemasukan pengunjung pada satu-satu masa," katanya.

Jelasnya, sebanyak 42 lokasi Pasar Segar Terkawal (PST) di seluruh negara dalam tempoh penutupan penuh sektor ekonomi dan sosial ataupun 'total lockdown' Fasa 1 ini.

Jumlah PST yang dibuka itu merangkumi 24 Pasar Tani Kekal, dua MyFarm Outlet (MFO), 14 Pusat Operasi FAMA dan dua Agrobazaar.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/6/2021	SINAR HARIAN	ONLINE	

## Petani, pemborong boleh mohon surat rentas daerah, negeri



ALOR SETAR - Petani dan pemborong produk pertanian di Kedah boleh memohon surat kebenaran merentas daerah dan negeri mengikut sektor melalui agensi-agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) untuk beroperasi sepanjang pelaksanaan Sekatan Pergerakan Penuh.

Exco Pertanian dan Industri Makanan Negeri Kedah, Azman Nasrudin berkata, golongan tersebut boleh membuat permohonan di bawah agensi berkaitan seperti Jabatan Pertanian, lembaga Pemasaran

Pertanian Persekutuan (FAMA), Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM).

"Saya telah merujuk perkara ini kepada MAFI dan mereka memaklumkan bahawa petani dan pemborong boleh memohon surat kebenaran merentas daerah dan negeri mengikut sektor atau kategori kerana sektor rantai makanan termasuk dalam kategori yang dibenarkan beroperasi sepanjang pelaksanaan Sekatan Pergerakan Penuh.

"Saya juga telah mengarahkan semua agensi di bawah MAFI negeri Kedah untuk memantau dan melaporkan segera kepada saya sekiranya ada petani-petani yang menghadapi lambakan barang-barang pertanian mereka," katanya dalam satu kenyataan pada Khamis.

Mengulas lanjut, Azman berkata, beliau menerima banyak aduan daripada petani dan pemborong di Kedah yang sukar untuk memasarkan barangan mereka akibat pelaksanaan Sekatan Pergerakan Penuh.

"Kerajaan negeri Kedah melalui agensi berkaitan sedia untuk membeli dan memasarkan produk-produk mereka sekali gus mengelakkan petani-petani menganggung kerugian selain lambakan produk pertanian," ujarnya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/6/2021	HARIAN METRO	LOKAL	18

## Fama buka PST di 42 lokasi

**Kuala Lumpur:** Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) membuka 42 lokasi Pasar Segar Terkawal (PST) di seluruh negara dalam tempoh sekatan pergerakan penuh fasa pertama.

Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) Fama, Mohamad Mustahapa Awang berkata, ia terdiri dua *MyFarm Outlet* (MFO), pasar tani kekal (24), pusat operasi Fama (14) dan Agrobazaar (dua) berbanding 63 lokasi PST yang dibuka ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 1.0.

“Walaupun Fama buka 42 outlet berbanding sebelum ini, ia hanya secara fizikal kerana kami turut menumpukan kepada aktiviti jualan secara dalam talian,” katanya pada sidang media secara maya, semalam.

Terdahulu, beliau mengadakan lawatan ke MFO Putrajaya bagi meninjau operasi bekalan keperluan harian secara dalam talian, tempahan awal, penghantaran dan pandu lalu bagi penduduk di kawasan itu.

Menurut Mohamad Mustahapa, Fama dengan

kerjasama Mukmin Pay Sdn Bhd memperkenalkan aplikasi Mukmin Mart kepada usahawan Fama di 16 lokasi pasar tani di Kuala Lumpur, Putrajaya dan MFO Putrajaya dan sehingga kini sudah mendaftarkan 300 orang.

Menerusi aplikasi itu, katanya, nilai jualan yang direkodkan dari Februari hingga Mei tahun ini adalah RM500,000 dan menjangkakan jualan meningkat kepada RM6.5 juta pada hujung 2021 serta pendaftaran 5,000 usahawan.

- Bernama



# FAMA bantu pasar tembikai dari Terengganu

10 tan metrik tembikai dibawa masuk ke Melaka, bantu petani hadapi lambakan buah itu

Oleh **NOR FARHANA YAACOB**

**IASIN**

**L**embaga Pertanian Persekutuan (FAMA) Melaka menawarkan tembikai dari Terengganu dengan harga 80 sen sekilogram bagi membantu petani negeri itu yang menghadapi masalah lambakan buah tersebut susulan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0.

Ahli Lembaga Pengarah FAMA, Datuk Ghazale Muhammad

berkata, setakat ini sebanyak 10 tan metrik tembikai dibawa masuk ke Melaka sejak minggu lalu dan dijangka bertambah mengikut permintaan.

Menurutnya, ia akan dipasarkan menerusi pasar tani termasuk pasar segar terkawal (PST), cawangan Agrobazaar Rakyat, Agrobazaar Rakyat dan gerai buah-buahan segar.

“Walaupun pasar tani tidak dapat beroperasi, namun FAMA Melaka masih ada platform lain untuk membantu memasarkan hasil tembikai petani Terengganu dari terus mengalami kerugian serta kejatuhan harga.

“Jadi kita beli lambakan tem-



**GHAZALE**

bikai dari Terengganu melalui FAMA Terengganu sejak minggu lalu dan kita tolong pasarkan di Melaka,” katanya di Kompleks Jawatankuasa Pembangunan dan Penyelaras Dewan Undangan Negeri (JAPERUN) Rim di Bandar Jasin di sini pada Khamis.

Mengulas lanjut, Ghazale yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Rim berkata, setakat ini pihaknya tidak menerima sebarang laporan mengenai lambakan hasil pertanian di Melaka sama ada sayur-sayuran atau buah-buahan.

Menurutnya, sekiranya petani menghadapi masalah untuk memasarkan produk dan hasil pertanian, mereka disarankan menghubungi Bilik Gerakan FAMA Melaka di Ayer Keroh bagi menyalurkan permasalahan itu.

**MENDEPANI KRISIS  
COVID-19:  
APA TINDAKAN  
KITA?**

# FAMA buka bilik gerakan

Bantu petani pasarkan hasil sepanjang tempoh Sekatan Pergerakan Penuh

Oleh NURIL HUDA HUSAIN

PUTRAJAYA

**L**embaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) mewujudkan bilik gerakan pusat pengurusan krisis (CMC) sepanjang tempoh Sekatan Pergerakan Penuh fasa pertama bermula 1 Jun hingga 14 Jun ini.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) II, Datuk Che Abdullah Mat Nawi berkata, bilik gerakan yang beroperasi pada jam 8 pagi hingga 7 malam itu diwujudkan bagi membantu petani yang menghadapi masalah memasarkan hasil pertanian mereka.

"Bagi memastikan kelancaran aktiviti pemasaran hasil pertanian semasa tempoh pelaksanaan PKP *total lockdown* fasa pertama ini, petani yang menghadapi masalah memasarkan hasil pertanian mereka boleh melayari portal FAMA Feedback System (<http://ffs.fama.gov.my/adaun/>) atau menghubungi talian hotline," katanya.

Beliau berkata demikian selepas mengadakan lawatan kerja ke pasar segar terkawal di MyFarm Outlet (MFO) Putrajaya pada Khamis.

Mengulas mengenai lawatan kerja ke MFO Putrajaya, Che Abdullah berkata, lawatan tersebut dibuat bagi melihat sendiri ketersediaan pasar itu membekalkan keperluan harian secara dalam talian, prapesanan, penghantaran serta pandu lalu khususnya bagi penduduk Putrajaya.

Katanya, MFO Putrajaya mula beroperasi pada 1 Mac 2016 dan dibuka

setiap hari kecuali Isnin dengan waktu operasi bermula jam 6 pagi hingga 4 petang dalam tempoh pelaksanaan *total lockdown* ini.

"Nilai jualan yang dicatatkan dari Januari 2021 hingga April 2021 merekodkan RM3.8 juta.

"MFO Putrajaya beroperasi mengikut prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan oleh kerajaan dengan pintu masuk dan keluar dikawal selia oleh pihak berkuasa.

"Ia juga mewujudkan laluan selaha di dalam premis serta mengehendkan bilangan pengunjung pada satu-satu masa," ujarnya.

Jelasnya, sebanyak 42 lokasi pasar segar terkawal di seluruh negara dibuka dalam tempoh Sekatan Pergerakan Penuh yang merangkumi 24 pasar tani kekal, dua MFO, 14 pusat operasi FAMA dan dua agrobazaar.

Sementara itu, FAMA dengan kerjasama Mukmin Pay Sdn Bhd mewujudkan peluang pekerjaan baharu ekonomi gig menerusi Program Mukmin Mart Rider.

Che Abdullah berkata, aplikasi Mukmin Mart yang dibangunkan dan diuruskan sepenuhnya oleh syarikat Mukmin Pay Sdn Bhd itu diperkenalkan kepada usahawan FAMA di 16 lokasi pasar tani Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur/Putrajaya dan MFO Putrajaya.

Beliau berkata, beliau yang sedang mencari peluang pekerjaan boleh mendaftar sebagai penghantar makanan melalui aplikasi Mukmin Rider sama ada di Play Store atau di App Store.

"Sehingga kini, aplikasi ini berjaya mendaftarkan 300 usahawan FAMA dan 500 *rider* manakala 3,000 pengguna telah menggunakan aplikasi tersebut.

"Nilai jualan menerusi aplikasi tersebut dari Februari 2021 hingga Mei 2021 mencatatkan RM500,000," kata beliau.

Pelbagai barangan segar ditawarkan di MFO Putrajaya.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/6/2021	BERITA HARIAN	NASIONAL	17

# FAMA perluas jualan aplikasi Mukmin Mart

**Usaha galak lebih ramai peniaga berdaftar, atasi lambakan hasil tani**

Oleh Latifah Arifin  
latifah@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) akan memperluas kaedah jualan hasil tani secara dalam talian ke seluruh negara, termasuk Sabah dan Sarawak, bagi menggalakkan lebih ramai peniaga berdaftar.

Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) FAMA, Mohamad Mustahapa Awang, berkata kaedah jualan itu dilakukan menerusi aplikasi Mukmin Mart, iaitu aplikasi hasil kerjasama FAMA dengan Mukmin Pay Sdn Bhd.

Setakat ini, katanya, seramai 300 pengusaha di 16 pasar tani dan MyFarm Outlet (MFO) sekitar Kuala Lumpur dan Putrajaya sudah berdaftar dan menjalankan perniagaan melalui platform berkenaan.

"Melalui aplikasi ini, FAMA menyediakan alternatif kepada

orang awam untuk membekalkan keperluan harian secara dalam talian, tempahan awal, penghantaran terus ke rumah dan pandu lalu.

"Sehingga kini, seramai 3,000 pengguna sudah menggunakan aplikasi Mukmin Mart dengan nilai jualan sejak diperkenalkan pada Februari lalu hingga Mei 2021, sebanyak RM500,000.

"Dijangka seramai 5,000 usahawan akan mendaftar dengan nilai jualan berjumlah RM6.5 juta menjelang penghujung tahun ini," katanya dalam sidang media secara maya selepas mengadakan lawatan kerja ke pasar segar terkawal di MFO Putrajaya, semalam.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Mukmin Pay Sdn Bhd, Mohd Yusni Ismail, berkata isu lambakan hasil tani, khususnya dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 dapat diatasi apabila platform niaga dalam talian diperkenalkan.

"Usahawan di bawah FAMA boleh berdaftar secara percuma dan kami akan bimbing bagaimana menggunakan aplikasi ini, cara muat naik gambar, tambah jenis barang yang dijual dan meletakkan harga.

"Mukmin Mart turut menawarkan penghantaran percuma selama tiga bulan dalam radius lima kilometer (km) mulai 1 Jun

**Seramai 3,000 pengguna sudah menggunakan aplikasi Mukmin Mart dengan nilai jualan sejak diperkenalkan pada Februari lalu hingga Mei 2021, sebanyak RM500,000**



**Mohamad Mustahapa Awang,**  
Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) FAMA

lalu sehingga September ini.

"Bukan sahaja peniaga dapat manfaat, tetapi pengguna dapat membeli barang keperluan tanpa perlu beratur panjang, bersesak di tempat awam, sambil menikmati khidmat penghantaran barang secara percuma," katanya.

Ketika ditanya kemungkinan berlaku lambakan hasil tani di pasaran disebabkan PKP 3.0, Mohamad Mustahapa berkata, isu

itu tidak akan timbul sekiranya petani berdaftar dengan FAMA melalui Program Ladang Kontrak.

"Banyak isu lambakan hasil tani ini timbul dalam kalangan pengusaha yang tidak sertai program ini.

"Kami sarankan petani untuk berdaftar sebagai peserta Program Ladang Kontrak FAMA untuk memudahkan kami melihat dalam skop lebih besar maklumat penawaran dan permintaan, sekali gus mengatur kerjasama dengan pengilang, pemborong dan pemproses," katanya.

Beliau berkata, pengurangan kepada 42 lokasi Pasar Segar Terkawal (PST) di seluruh negara dalam tempoh PKP 3.0, berbanding 63 lokasi pada PKP 1.0 lalu tidak akan merencatkan jualan dan pemasaran hasil tani.

"Bagi memastikan kelancaran aktiviti pemasaran hasil pertanian dalam tempoh PKP ini, FAMA mewujudkan Bilik Gerakan.

"Ia beroperasi mulai jam 8 pagi hingga 7 petang bagi membantu petani yang menghadapi masalah memasarkan hasil pertanian mereka," katanya.

Selain itu, mereka boleh melayari portal FAMA Feedback System (<http://ffs.fama.gov.my/adu-ari/>) atau menghubungi talian hotline 019-7476754 untuk bantuan lanjut.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/6/2021	BERITA HARIAN	NASIONAL	18

# 'Batal projek tambak laut Pulau Pinang'

**Kuala Lumpur:** Projek Tambakan Laut Selatan Pulau Pinang (PSR) perlu dibatalkan kerana ia akan memberi kesan serius dan negatif kepada sosioekonomi serta alam sekitar.

Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar, berkata kelulusan laporan Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA) projek PSR yang diberikan pada 2019 juga harus dikaji semula.

"Ketika saya menjawat jawatan Menteri Sumber Air dan Alam Sekitar pada 2017, perkara ini ada dibawa kepada saya dan saya membantah projek pembangunan terbabit.

"Bagaimanapun, saya difahamkan laporan EIA diluluskan Jabatan Alam Sekitar (JAS) pada 25 Mei 2019, ketika itu saya tidak bersetuju kelulusan diberikan dan menyokong supaya projek terbabit dibatalkan," katanya dalam kenyataan, semalam.

Sebelum ini, kerajaan Pulau Pinang bercadang melaksanakan projek PSR dengan keluasan lebih 2,600 hektar bagi membina tiga pulau buatan untuk membiayai Pelan Induk Pengangkutan (PIP), dianggar bernilai RM49 bilion dan melantik SRS Konsortium sebagai Rakan Pelaksana Projek (PDP).

Projek mega itu bagaimanapun mendapat tentangan pelbagai pi-



Projek Tambakan Laut Selatan Pulau Pinang dijangka menjelaskan sumber pendapatan nelayan. (Foto fail)

hak dengan golongan nelayan tradisi di Pulau Pinang dikatakan paling teruk terjejas, selain ia dilapor boleh mengubah sempadan laut negara dan mungkin menimbulkan masalah dengan negara jiran.

Kontroversi bagi membangunkan tiga pulau buatan itu terus membelenggu hampir

1,500 nelayan tradisi di kawasan berkenaan yang bergantung sepenuhnya kepada hasil laut sebagai punca pendapatan, sejak ia



Wan Junaidi

diperkenalkan pada 2013.

Wan Junaidi berkata, laporan EIA dikemukakan sebelum ini jelas menyatakan projek itu boleh mengakibatkan kemusnahan kekal kepada ekosistem laut.

Katanya, keadaan itu boleh mengakibatkan nelayan terdedah kepada kesusahan kerana hasil perikanan yang menjadi sumber pendapatan berkurangan.

"Projek terbabit boleh mem-

beri kesan kepada kelangsungan hidup kira-kira 1,800 nelayan dan keluarga mereka di sekitar Pulau Pinang, akhirnya komuniti ini akan hilang begitu saja.

"Bukan itu saja, ia bakal memberi kesan kepada kira-kira 4,500 nelayan di Perak dan Kedah yang bergantung harap kepada sumber maritim di kawasan berkenaan," katanya.

Beliau berkata, negara tidak boleh membenarkan projek mega terbabit kerana ia bukan saja memberi kesan kepada alam sekitar, malah memberi imej buruk kepada Malaysia pada peringkat antarabangsa.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/6/2021	KOSMO	NEGARA	1



# Harga buah, sayur tempatan naik

HARGA buah-buahan terutamanya rambutan kini dijual semahal RM15 sekilogram dan RMS bagi empat ulas cempedak goreng. Sayur-sayuran juga didapati mengalami kenaikan harga yang didakwa berpunca daripada peningkatan kos pengangkutan ketika total lockdown. **• BERITA DI MUKA 3**



**NADIA** menunjukkan sayur-sayuran yang dijual di kedainya di Pasar Besar Kedai Payang, Kuala Terengganu semalam.

Kos pengangkutan meningkat, import jadi alasan

## Harga buah, sayur naik

OLEH AFIQ AL-HAFIZ MAT YUSOF,  
TENGGU DANISH BAHRI TENGGU  
YUSOFF, MOHAMAD NAUFAL  
MOHAMAD IDRIS dan  
NOOR HASLIZA NUSI

**KUALA LUMPUR** - Penggemar buah-buahan tempatan dan sayur-sayuran di seluruh negara mengeluh apabila harga makanan dan barangan tersebut naik mendadak sejak beberapa minggu lalu.

Antara harga buah dan sayur yang naik termasuk rambutan, mangga, cempedak, tomato, timun, salad dan halia.

Rambutan dijual pada harga antara RM10 hingga RM15 sekilogram, manakala pengguna perlu membayar RM1 untuk seulas cempedak goreng.

Harga sayur-sayuran pula melonjak sehingga RM2.50 menjadikan harga jualan menjadi RM5 sekilogram.

Antara alasan yang diberikan pentaga ialah kenaikan kos pengangkutan dan terpaksa mengimport buah-buahan daripada negara jiran.

Seorang peniaga buah di Kampung Baru, Kuala Lumpur, Zurhafri Kamaruzaman, 36, berkata, harga buah-buahan ketika ini bergantung kepada musim dan pembekal dari Thailand.

"Sebab itu harga naik kerana kos penghantaran dari Thailand. Sekarang di luar musim cempedak dan rambutan.

"Saya jual rambutan antara RM8 hingga RM10 sekilogram dengan keuntungan sekitar RM300 sehari," katanya.

Dalam pada itu, peniaga pisang goreng, Siti Aishah Mahalis, 37, berkata, bekalan diperoleh dengan harga tidak menentu dari pasar Chow Kit.

"Ada yang jual cempedak men-



**ZURHAFRI** menyusun rambutan yang dijual pada harga RM10 sekilogram di Kampung Baru, Kuala Lumpur.

tah antara RM4.50 dan RM6.50 sekilogram. Oleh itu saya terpaksa jual RM1 seulas dan ada juga yang jual empat ulas RMS untuk yang siap goreng," katanya.

Sementara itu, di Kuala Terengganu, tinjauan di Pasar Besar Kedai Payang mendapati harga tomato, timun, salad dan halia naik kepada RMS sekilogram dengan peningkatan sehingga RM2.50.

Seorang peniaga sayur yang mahu dikenali sebagai Nadia berkata, harga tomato dan timun sebelum ini RM3.50 sekilogram, namun naik kepada RMS kerana kenaikan kos pengangkutan.

"Bekalan diperoleh dari Pasar Besar Selayang, Selangor. Selain itu, harga salad dan halia juga melonjak kerana diimport," katanya.

Namun harga untuk lobak merah, kangkung masih kekal antara RM2 dan RM3 sekilogram manakala bawli RM6.

Di Shah Alam, Selangor, tinjauan di Pasar Moden Seksyen 6 mendapati, kobis bunga, salad dan daun bawang naik antara RM1 hingga RM2 sekilogram.

Rata-rata peniaga memberitahu, kenaikan berlaku di pe-

ringkat pemborong dengan alasan bekalan dari Cameron Highlands berkurangan ekoran musim hujan dan sayur tidak dapat dikutip.

Pemborong turut memberi alasan kenderaan mengangkut tidak mencukupi untuk membawa sayur dan peniaga perlu mengeluarkan belanja untuk menyewa kenderaan.

Di pasar itu, sawi dijual RM10 sekilogram berbanding RM8 sebelum ini.

Di George Town, tinjauan di pasar awam di daerah Barat Daya dan Timur Laut mendapati, hampir 70 peratus peniaga mengekalkan harga sayur kecuali tomato yang naik RM1 menjadi RM5 sekilogram.

Peniaga sayur, Rahimah Ali, 46, berkata, memang ada berlaku kenaikan harga sawi, pak choi dan daun bawang pada April lalu.

"Harga sayur masih kekal tetapi bekalan kurang kerana pembekal tidak dapat merentas negeri," katanya.

Seorang lagi peniaga, Zabidah Hamil, 51, pula memberitahu, dia tidak menaikkan harga kerana bersimpati dengan nasib pengguna yang terjejas Covid-19.

## Jaring gesa kerajaan benarkan nelayan tidak berlesen ke laut

**GEORGETOWN** - Persatuan Pendidikan dan Kebajikan Jaringan Nelayan Pantai Malaysia (Jaring) memohon kerajaan membenarkan nelayan tulen yang tidak berlesen dan tidak memiliki kad pendaftaran nelayan untuk turun ke laut.

Timbalan Pengerusinya, Faizal Zabri berkata, pihaknya menyambut baik tindakan kerajaan membenarkan nelayan terus beroperasi ketika pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan 3.0 (PKP 3.0).

Bagaimanapun beliau berkata, berdasarkan tinjauan Jaring sebelum ini, sebahagian besar daripada nelayan yang beroperasi di jeti adalah nelayan yang tidak berlesen dan tidak memiliki kad pendaftaran nelayan.

"Ramai dalam kalangan

nelayan tidak memiliki lesen dan kad pendaftaran nelayan kerana pengeluaran lesen nelayan bagi perikanan laut pantai termasuk nelayan pantai zon A telah lama dibekukan oleh kerajaan.

"Ramai dalam kalangan mereka tidak mempunyai pilihan selain terus beroperasi untuk mencari rezeki tanpa memiliki lesen. Sebelum ini hanya lesen khas sahaja yang dikeluarkan dalam jumlah yang terhad setiap kali pilihan raya umum," katanya dalam satu kenyataan pada Khamis.

Tambahnya, kerajaan perlu membenarkan nelayan yang tidak memiliki lesen turut beroperasi untuk mencari rezeki bagi meneruskan kelangsungan hidup ketika Covid-19 melanda negara.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/6/2021	THE EDGE MARKET	ONLINE	

### Still no SOP update for agriculture sector



The government still has not issued any updates on the standard operation procedure (SOP) for the agriculture and livestock sector in Malaysia's third day of total lockdown.

Up until 5.30pm today, both websites of the Agriculture and Food Industries Ministry (Mafi) and National Security Council (NSC) still did not provide any specific SOPs for the sectors above.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/6/2021	THE EDGE MARKET	ONLINE	

## There will be an oversupply of durians due to total lockdown — traders



GEORGE TOWN (June 2): Between June and August each year, durian orchard owners in Balik Pulau near here would normally rake in huge profits, thanks to fans of the king of fruits who would travel far and wide to get their hands on the best durians an orchard owner could offer.

However, following the implementation of the nationwide total lockdown starting yesterday, these orchard owners may have to face huge losses and the issue of oversupply of the fruits if they could not find ways to market them widely.

Shamsol Abdul Aziz, 34, who owns a 1.6-hectare durian orchard in Sungai Pinang, said he had invested more than RM120,000 on quality fertilisers and care for his durian trees last year, hoping for a better yield this season, adding that he was not alone because most orchard owners had invested large amounts on the maintenance of their durian trees.

He said the investment might increase the yield of his orchard up to 17 tonnes this year compared to 11 tonnes last year.

"However due to the implementation of the total lockdown, I may face a loss of RM80,000," he said when met today.

Before the movement restrictions, durians from his orchard would be marketed in nearly every state in Peninsular Malaysia, especially in Kuala Lumpur.

Shamsol, who has been in the business for 10 years said durian traders had faced the same problem last year due to the enforcement of the Movement Control Order (MCO) that forced them to use various platforms especially online to ensure the fruits could be sold, but they had not anticipated that the situation would be more critical this year.

He said sales on the Jom Beli Online, a platform introduced by the Penang Island City Council (MBPP) were not as brisk compared to offline sales.

Siti Hallimatun Ayob, 50, a fellow trader, said she and her husband were forced to market the fruits from their orchard to Sungai Dua as demands are higher there, adding that due to the 10-km movement restriction, durian lovers could not buy the fruits directly from the orchard owners in Balik Pulau which could lead to an oversupply of durians in the next two weeks.

"I am grateful to the government for allowing traders to operate, but we had to resort to various ways to promote the durians, including making online sales and hiring delivery riders to send durians to buyers," she said.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/6/2021	HARIAN METRO	ONLINE	

## MITI bukan penentu tunggal perkhidmatan perlu



Azmin Ali.

Kuala Lumpur: Sejumlah 586,308 sektor perkhidmatan perlu membabitkan 10.2 juta pekerja sudah berdaftar dengan Covid-19 Intelligent Management System (CIMS) 3.0 setakat ini.

Bagaimanapun, hanya 128,150 surat kebenaran beroperasi dicetak melalui CIMS 3.0 membabitkan 1.57 juta pekerja di seluruh negara.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Mohamed Azmin Ali berkata, sehingga kini, sebanyak 15 kementerian menggunakan sistem CIMS 3.0 bagi memudahkan proses penilaian permohonan kebenaran untuk beroperasi di bawah sektor masing-masing.

Menurutnya, selepas kementerian mengesahkan permohonan berkenaan, syarikat terbabit boleh terus mencetak surat kebenaran beroperasi melalui CIMS 3.0.

Namun katanya, terdapat beberapa kementerian seperti Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi) dan yang menggunakan sistem kelulusan kebenaran bekerja yang diselaras oleh kementerian itu.

"Kementerian Pengangkutan turut menggunakan sistem dalaman Sistem SMILE (Sistem Maklumat Industri Logistik) bagi tujuan yang sama.

"Jadi, surat kelulusan untuk beroperasi bukan sahaja dikeluarkan Miti, tetapi ada juga yang dikeluarkan kementerian lain dan terbukti sistem yang diwujudkan adalah berkesan untuk kumpulan sasaran mereka," katanya dalam kenyataan di sini, hari ini.

Mohamed Azmin berkata, Bank Negara Malaysia (BNM) juga bertanggungjawab di atas surat kebenaran beroperasi untuk institusi kewangan dan perbankan.

Menurutnya, Miti bukan penentu tunggal dalam memutuskan sama ada sesuatu sektor perniagaan dianggap sebagai perkhidmatan penting atau sebaliknya.

Bagaimanapun katanya, Miti juga mengambil maklum aduan beberapa pihak yang mendakwa CIMS 3.0 dibolosi dan mendapat kelulusan walaupun berada di bawah sektor yang tidak dibenarkan beroperasi.

"Miti terbuka kepada sebarang bentuk aduan atau kritikan mengenai sistem CIMS 3.0 demi menjamin ketelusan dan keberkesanan pelaksanaan sistem ini.

"Miti melalui unit penguatkuasaan bersama dengan kerjasama agensi penguat kuasa yang lain akan terus memantau dan mengawal pelaksanaan SOP PKP 3.0," katanya.